**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi soalan 1 hingga 30, tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C, D. Sila pilih satu jawapan yang terbaik dan **hitamkan jawapan** tersebut pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

**Soalan 1 berdasarkan pernyataan dibawah**

- Sentiasa berusaha memajukan diri
- Mempunyai nilai moral yang tinggi
- Hidup beragama

1. Ciri-ciri di atas berkaitan dengan
   A. ciri-ciri kecemerlangan diri
   B. gaya hidup remaja yang moden
   C. cabaran remaja pada masa hadapan
   D. cara keluarga meningkatkan perpaduan

1. Apakah yang dapat dilakukan untuk menilai kecemerlangan diri?
   A. Meminta pendapat rakan karib
   B. Membuat refleksi diri
   C. Melihat kelemahan diri sendiri
   D. Melihat kejayaan yang telah dicapai

1. Dalam mengajar kecemerlangan, seseorang haruslah
   I memilih tugasan yang diberi
   II menerima cabaran dengan bersemangat
   III mengabaikan kerja-kerja sosial yang lain
   IV meluaskan pengetahuannya
   A. I dan II C. III dan IV
   B. II dan IV D. I, III, dan IV

1. Komunikasi yang berkesan akan menyebabkan

A. pendengar menganggukkan kepala
B. pendengar memberi respons dengan cepat
C. pendengar menjawab soalan dengan sopan
D. pendengar faham akan maklumat yang disampaikan

1. Salah satu cara untuk mengeratkan hubugan kekeluargaan ialah
   A. Membuat kerja sekolah dengan tekun
   B. Menyambut hari lahir anggota keluarga secara sederhana
   C. Tidak menggganggu ibu bapa yang sedang menonton televisyen
   D. Berbincang tentang masalah rakan yang memerlukan pertolongan

1. Ciri-ciri murid yang cemerlang ialah
   I berdaya saing
   II menghormati orang lain
   III berkomunikasi dengan berkesan
   IV menumpukan perhatian kepada pelajaran sahaja
   A. I dan II  C. I,II dan IV
   B. III dan IV  D. II,III dan IV

1. Mengapakah anak-anak harus berterus terang dengan ibu bapa sekiranya menghadapi masalah?
   A. Ibu bapa memahami anak-anak
   B. Ibu bapa suka memarahi anak-anak
   C. Ibu bapa sering memanjakan anak-anak
   D. Ibu bapa akan membawa anak-anak berjumpa dengan kaunselor

1. Situasi yang manakah tidak menunjukkan sikap prihatin terhadap keperluan anggota keluarga?
   A. Ibu menyediakan sarapan untuk anak-anak
   B. Bapa memberi wang kepada anak untuk membeli alat tulis
   C. Anak membantu ibu mencuci pinggan selepas makan malam
   D. Anak meminta kebenaran ibu bapa untuk menonton wayang dengan rakan

1. Konflik yang berlaku dalam keluarga dapat diselesaikan sekiranya
   A. Ibu bapa mengikut kata anak

B. Pendekatan “win-win” digunakan
C. Anak menjauhkan diri  daripada ibu bapa
D. Anak mendiamkan diri setelah dimarahi

1. Antara cara anda menghormati pendapat rakan-rakan ialah
   I selalu menasihati mereka
   II mendengar pendapat mereka
   III memberi pendapat anda dengan sopan
   IV menyatakan bahawa idea anda lebih baik
   A. I, dan  II  C. II dan IV
   B. II dan III  D. III, dan IV

**Soalan 11 berdasarkan pernyataan di bawah**

**Mengenali rakan** ⟶ **Menghormati rakan**

1. Pilih pernyataan yang **benar** tentang proses di atas
   A. Anda harus mengetahui kelemahan rakan agar dapat menandinginya
   B. Anda harus mengetahui kelebihan rakan agar persahabatan berkekalan
   C. Anda harus mengetahui keistimewaan rakan sebelum berkawan dengannya
   D. Anda harus mengetahui latar belakang rakan agar tidak menyinggung perasaannya.

1. Rakan anda berbakat dalam bidang akademik dan bidang sukan. Apakah hak rakan anda untuk menonjolkan bakatnya?
   A. Meminta hadiah daripada guru-guru
   B. Sentiasa bercakap tentang kelebihannya
   C. Menunjukkan bakatnya dalam peperiksaan dan pertandingan
   D. Meminta kebenaran guru untuk tidak hadir ke sekolah apabila penat.

1. Bagaimanakah generasi muda dapat membantu meningkatkan tahap keselamatan di kawasan tempat tinggal masing-masing?
   A. Mengintip kejadian yang mencurigakan seorang diri

B. Menghubungi pihak polis sekiranya berlaku perkara yang mencurigakan

C. Mengajak rakan-rakan untuk mengintip kejadian yang mencurigakan

D. Membiarkan perlakuan yang mencurigakan berlaku untuk menjaga keselamatan diri

1. Masalah ____________ di kawasan tempat tinggal dapat dibendung sekiranya penduduk setempat memberikan kerjasama untuk membanterasnya

A. Banjir C. Kemiskinan

B. Sosial D. Perceraian

1. Permainan tradisional patut dikekalkan untuk kepentingan generasi akan datang kerana permainan ini

I tidak memerlukan kos yang tinggi

II dapat menguji kebijaksanaan pemain

III dapat mengeratkan silaturahim antara pemain

IV memerlukan kawasan permainan yang luas

A. I dan II C. I,II dan III

B. III dan IV D. II,III dan IV

1. Bagaimanakah pihak tertentu dapat menarik perhatian remaja untuk meminati warisan kesenian pelbagai kaum?

A. Mengadakan jualan murah barangan kraftangan

B. Mengadakan aktiviti yang melibatkan remaja secara langsung

C. Mengadakan pameran kesenian di tempat awam

D. Mengedarkan risalah tentang warisan kesenian kepada remaja

1. Mengapakah warisan kesenian di negara kita patut dikekalkan selama-lamanya?

A. Warisan kesenian ialah khazanah negara yang tidak ternilai

B. Warisan kesenian akan menghiburkan generasi akan dating

C. Warisan kesenian berupaya bersaing dengan kecanggihan teknologi

D. Warisan kesenian akan meninggikan moral generasi muda

1. Dalam sistem demokrasi berparlimen di Malaysia, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan

A. Ketua menteri

B. Perdana Menteri

C. Ketua Negara

D. Penyimpan Mohon Besar Raja-Raja

1. Apakah kelebihan amalan demokrasi?

A. Rakyat mempunyai hak untuk memilih Ketua Negara

B. Rakyat boleh menuntut hak mereka di mana-mana sahaja

C. Rakyat mempunyai hak untuk membentuk dasar-dasar Negara

D. Rakyat mempunyai hak memilih wakil-wakil rakyat untuk mentadbir Negara

1. Antara yang berikut, penyataan yang manakah **benar**?

A. Kerajaan negeri ditadbir oleh Dewan Negara

B. Kerajaan negeri mempunyai kuasa terhadap Parlimen

C. Kerajaan pusat menpunyai kuasa pemerintahan terhadap semua negeri

D. Kerajaan pusat mempunyai kuasa terhadap hal-ehwal negeri sahaja

**Soalan 21 berdasarkan pernyataan di bawah.**

| Jalankan tanggungjawab anda sebagai warganegara |
|---|

1. Moto di atas sesuai digunakan semasa

A. Proses Pilihan Raya

B. Persidangan Dewan Rakyat

C. Persidangan parti-parti politik

D. Perlantikan Menteri Besar yang baru.

1. Selepas proses pilihan raya, parti politik yang akan membentuk kerajaan ialah

A. Parti politik yang mempunyai modal yang paling banyak

B. Parti politik yang menjanjikan pembangunan yang paling besar

C. Parti politik yang mendapat ramai penyokong semasa hari pilihan raya

D. Parti politik yang mendapat jumlah majority kerusi Dewan undangan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

1. Pilih pernyataan yang **benar** tentang Parlimen

**I** Parlimen ialah badan kehakiman untuk Kerajaan Persekutuan

**II** Parlimen mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi Negara

**III** Semua undang-undang kerajaan Persekutuan perlu diluluskan oleh Parlimen

**IV** Parlimen perlu dibubarkan sebelum pilihan raya umum dijalankan.

**A** I dan II **C** II,III,IV

**B** III dan IV **D** I,II,III,IV

2. Siapakah yang menganggotai Majlis Raja-Raja?

I Sultan negeri-negeri Melayu

II Yang Dipertua Negeri

III Yang Dipertuan Besar

IV Perdana Menteri

A. I dan II C. I, II dan III

B. III dan IV V. I,II, III dan IV

1. Pilih pernyataan yang paling **tepat** tentang pilihan raya

A. Pengundi mesti mengundi berdekatan dengan rumah masing-masing

B. Pengundi mesti mendaftar di satu kawasan pilihan raya sahaja

C. Seseorang yang sedang menjalani hukuman di penjara layak mengundi

D. Pengundi yang berdaftar tetapi tidak mengundi akan dikenakan tindakan undang-undang.

**Soalan 26 berdasarkan rajah di bawah**

- Hospital dan klinik kerajaan
- Pusat pengajian tinggi tempatan
- Sistem pengangkutan yang moden

⇨ Sumbangan kerajaan kepada rakyat

1. Apakah sumbangan rakyat kepada kerajaan pula?

I Menjadi warganegara yang patriotik

II Menunjukkan rasa terima kasih kepada kerajaan

III Menjaga keamanan dan imej negara

IV Menyokong usaha kerajaan dalam membangunkan Negara

A. I dan II C. I,III dan IV

B. III dan IV D. I,II,III dan IV

1. Cita-cita negara adalah untuk mencapai Wawasan 2020. Apakah peranan masyarakat untuk mencapai cita-cita ini?

I Rakyat haruslah bersatu dalam masyarakat majmuk

II Rakyat hendaklah lebih mementingkan diri sendiri

III Rakyat haruslah berdaya saing

IV Rakyat hendaklah mengikut cara hidup masyarakat Barat yang moden

2. Bidang yang manakah yang menjadi focus utama kerjasama ASEAN?
   A. Menjaga kerjasama negara serantau
   B. Memberi peluang pendidikan sama rata
   C. Memperkukuh nilai mata wang masing-masing
   D. Meningkatkan kerjasama dalam bidang kebudayaan

1. Malaysia mengamalkan ____________,iaitu berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi dan fahaman politik.
   A. Dasar liberal
   B. Dasar perpaduan
   C. Dasar berkecuali
   D. Dasar pandang ke Timur

1. Apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya semua negara mengamalkan prinsip **tidak** mahu menjaga tepi kain orang?
   A. Perdagangan antarabangsa akan berkembang pesat
   B. Negara yang kaya akan membantu negara yang miskin
   C. Setiap negara maju akan mengikut acuan masing-masing
   D. Negara yang lemah mungkin akan ditakluk oleh negara yang lebih gagah.

**BAHAGIAN B**

**Bahagian ini mengandungi soalan 31 hingga 40.**

**Isikan tempat kosong dibawah dengan jawapan yang betul**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Kerajaan pusat | Pelancongan | Kabinet | Kuasa |
| Pilihan raya | Komunikasi | Rukun tetangga | Sumazau |
| Ulik Mayang | Lima | Perpaduan | Perdana Menteri |

1. Pilihan raya di negara kita diadakan __________ tahun sekali.

2. Setiap negeri di Malaysia mempunyai struktur pentadbiran dann kuasa kerajaan masing-masing yang dinamakan kerajaan negeri.Namun, kerajaan negeri masih perlu mengekalkan kuasa ______yang tertentu.

3. ________________yang baik akan menjamin perhubungan yang baik dalam keluarga.

4. ____________________ialah sebuah pertubuhan sukarela yang menjaga kebajikan anggota masyarakat di sesebuah tempat.

5. ______________ialah tarian tradisional masyarakat Kadazan di negeri Sabah.

6. _____________akan mengiringi Yang di Pertuan Agong ke persidangan atau mesyuarat majlis Raja-Raja

7. Mengenali tarian, seni muzik, alat muzik, permainan dan seni bina pelbagai kaum dapat memupuk semangat ____________ dalam kalangan rakyat negara kita

8. Warisan seni bina lama dapat membantu negara memajukan bidang ____________.

9. _____________juga dikenali sebagai jemaah menteri.

10. Penyalahgunaan ______________dalam pentadbiran negara akan memberi kesan buruk kepada kemajuan negara.

**BAHAGIAN B: Soalan Subjektif**

Jawab semua soalan yang berikut

Soalan 41

(a) Kemukakan **satu** contoh amalan demokrasi di negara kita

i) ______________________________________________

(1 markah)

(a) Nyatakan **dua** kepentingan pilihan raya kepada rakyat

i) ______________________________________________

ii) ______________________________________________

(2 markah)

(a) Senaraikan **dua** peranan Parlimen

i) ______________________________________________

ii) ______________________________________________

iii) ______________________________________________

(2 markah)

Soalan 42

(a) Nyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menjamin kakitangannya sentiasa telus dan amanah.

i) ______________________________________________

ii) ______________________________________________

(2 markah)

(a) Senaraikan **tiga** pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia

i) ______________________________________________

ii) ______________________________________________

iii) ______________________________________________

(3 markah)